

20 NOV 1996

PENYERTAAN M'SIA KE FORUM PERNIAGAAN APEC BERTAMBAH

By: Yong Soo Heong

MANILA, 20 Nov (Bernama) -- Penyertaan Malaysia ke Forum Perniagaan Apec (ABF) di sini pada hari Jumaat telah meningkat kepada 42 eksekutif tertinggi daripada 26 sebelumnya, demikian kata seorang pegawai Filipina hari ini.

Rodolfo Severino, setiausaha rendah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Filipina, berkata kesemuanya, seramai 400 ahli perniagaan terkemuka akan menghadiri ABF yang akan membincangkan isu-isu perniagaan khusus yang berkaitan dengan rantau ini.

Wakil-wakil Malaysia ke mesyuarat tersebut termasuklah Tan Sri Yahaya Ahmad, pengerusi DRB-Hicom Bhd; Datuk Nik Yaacob, pengerusi Sime Darby Bhd; dan Datuk Francis Yeoh, pengarah urusan YTL Corporation Bhd. Ketiga-tiga mereka adalah juga anggota Majlis Penasihat Asean (ABAC), sebuah badan yang dibentuk tahun ini hasil daripada pewujudan Agenda Tindakan Osaka tahun lalu.

Dipercayai bilangan wakil Malaysia ke mesyuarat tahunan Apec tahun ini adalah yang terbesar bagi negara ini sejak 1989 selepas keputusan dibuat bagi menerima penyertaan ahli-ahli perniagaan dalam forum-forum Apec.

Wakil Malaysia pada peringkat menteri pada mesyuarat Apec tahun ini ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang merupakan salah seorang ketua negara yang dijadual menyampaikan ucapan pada ABF Jumaat ini, akan juga menghadiri Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Apec di Teluk Subic pada hari Isnin. Rafidah juga akan berucap.

"Kita merasakan bahawa mesyuarat ini amat penting kerana, ia belum pernah diadakan dalam Apec," kata beliau pada satu majlis taklimat akhbar di Pusat Konvensyen Antarabangsa Filipina (PICC). -- BERNAMA

SHY KY/ma